

KEKOSONGAN JAWATAN

Pegawai Perubatan (Kontrak)

Di Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam

BILANGAN KEKOSONGAN JAWATAN : SATU (1)

Kami dengan sukacitanya ingin mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan untuk memohon jawatan kosong Pegawai Perubatan lantikan kontrak di Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB).

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.
- Lulus subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

KRITERIA TAMBAHAN

- Mempunyai perwatakan yang baik dan komited dalam menjalankan tugas.
- Memiliki kesihatan emosi, mental yang baik, sikap positif dan sanggup menghadapi cabaran yang tinggi untuk kecemerlangan institusi.

CARA MEMOHON

Sila majukan secara emel butiran jaya diri (CV) bergambar beserta salinan Kad Pengenalan, Perakuan Amalan Tahunan, sijil-sijil akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada **6 September 2023** kepada :

Pengarah
Institut Perubatan & Pergigian Termaju
Universiti Sains Malaysia, Bertam
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
Emel : spengurusan_ippt@usm.my

Calon yang layak dan disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temuduga. Pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumat selepas tempoh 3 bulan adalah dianggap tidak berjaya.